

Saranan Sultan Nazrin bagi kurang import makanan

Rancangan Buku Hijau perlu kembali

Oleh **MOHAMAD HAFIZI**
MOHD. SAID

IPOH – Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah agar Rancangan Buku Hijau yang dilaksanakan semasa pemerintahan bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dihidupkan semula.

Baginda bertitah, Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan pada 1974 itu bukan sahaja dihidupkan semula, malah gagasan berkenaan wajar disuntik nafas baharu bagi mengekang kebergantungan keterlaluan terhadap bahan makanan import.

“Rancangan Buku Hijau ialah satu gagasan penting untuk mengangkat sektor pertanian tanpa menafikan sektor lain.

“Malangnya, wawasan keselamatan makanan dirintis Tun Abdul Razak turut dikuburkan bersama jasad Tun Abdul Razak,” titah baginda sempena Sambutan Maal Hijrah 1444 Peringkat Negeri Perak di di sini semalam.

Menurut baginda, ketika Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan pada 1970, sektor pertanian di negara ini menghasilkan 30 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar, namun menurun kepada 10.5 peratus pada 2000.

Titah baginda, jumlah itu terus menurun kepada 7.4 peratus pada 2020, dengan sumbangan 48 peratus bernilai RM52 bilion subsektor pertanian makanan.



SULTAN NAZRIN menyampaikan titah pada Sambutan Maal Hijrah 1444 Peringkat Negeri Perak di Ipoh semalam. – ZULFACHRI ZULKIFLI

“Perangkaan 2020 menunjukkan, 5.3 juta hektar tanah di negara kita adalah tanah pertanian. Namun atas perkiraan komersial, hanya 900,000 hektar menyamai 17 peratus digunakan untuk menghasilkan makanan, baki 4.2 juta hektar (83 peratus) untuk tanaman kontan komoditi kelapa sawit dan getah.

“Bagi memenuhi keperluan domestik, dalam setahun Malaysia mengimport 88 peratus daging kambing bernilai RM879 juta, 76 peratus daging lembu bernilai RM2.2 bilion, mangga bernilai RM87.9 juta, kelapa

bernilai RM266 juta, walaupun pokok kelapa begitu mudah tumbuh dan berbuah di bumi ini.

“Kita juga mengimport kopi, bawang, kentang, sotong, susu segar, kubis bulat, cili dan halia,” titah baginda.

Titah baginda lagi, negara hanya menghasilkan 70 peratus beras, 66 peratus buah-buahan dan 48 peratus sayur yang diperlukan rakyat dan pada 2020 Malaysia telah mengimport beras bernilai AS\$620 juta (RM2.7 bilion) yang mana meletakkan Malaysia sebagai pengimport sembilan terbesar di dunia.